



## Siaran Akhbar

### PROTON BEKERJASAMA DENGAN HUAWEI UNTUK KEMPEN 'BETTER TOGETHER'

**Subang Jaya, 17 Disember 2020** - Untuk meraikan akhir tahun 2020, pengeluar kereta nasional PROTON akan bekerjasama dengan Huawei dalam kempen yang digelar 'PROTONxHuawei Better Together'. Kempen yang berbentuk peraduan ini akan memberi ganjaran kepada pelanggan yang bertuah dengan hadiah menarik termasuk Proton X70 baharu sebagai hadiah utama.

Peraduan yang akan diadakan dari 15 Disember 2020 hingga 3 Januari 2021 terbuka kepada pembeli model Proton terpilih (Persona, Iriz, Exora atau Saga) dan / atau alat pintar Huawei. Selain hadiah utama Proton X70, telefon pintar Huawei Mate 40 Pro serta 17,000 baucar kedai dalam talian Huawei bernilai RM100 setiap satu akan juga ditawarkan ke pembeli kereta Proton.

"Model kereta Proton telah menerima sokongan yang baik dari rakyat Malaysia pada tahun ini. Jualan tahun 2020 memberangsangkan walaupun keadaan pasaran yang mencabar. Oleh itu, kami gembira dapat bekerjasama dengan Huawei sebagai tanda penghargaan kepada pelanggan kami atas sokongan mereka. Tahun ini amat sukar bagi semua jadi kami di PROTON ingin menyebarkan semangat positif di kalangan rakyat Malaysia dan menyeru semua untuk menantikan permulaan yang baru pada 2021," kata Roslan Abdullah, CEO PROTON Edar.

Untuk menyertai peraduan ini, pembeli kereta Proton atau alat pintar Huawei perlu muatnaik gambar yang kreatif yang berkaitan dengan kereta Proton atau alat pintar Huawei mereka di laman media sosial Facebook atau Instagram mereka dengan hashtag #PROTONHUAWEIBETTERTOGETHER2020 #HUAWEIMATE40PRO dan #HiPROTON dan serta keterangan (caption), "Saya suka kereta Proton / Huawei Mate 40 Pro kerana...". Setelah memuatnaik, mereka kemudian perlu melayari [www.protonhuaweibettertogether.com](http://www.protonhuaweibettertogether.com) untuk mengisi maklumat yang diperlukan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.proton.com/en> atau <https://www.huawei.com/my/>.

-End-



**PROTON**  
INSPIRING CONNECTIONS

Page 2 of 2

## **PROTON BEKERJASAMA DENGAN HUAWEI UNTUK KEMPEN 'BETTER TOGETHER'**

### **Mengenai PROTON**

PROTON Holdings Bhd bermula sebagai projek kereta nasional pertama di Malaysia, yang diasaskan dengan tujuan memesatkan pembangunan ekonomi Malaysia dan mewujudkan asas yang kukuh untuk industri automotif tempatan. Pada tahun 2017, PROTON bergerak ke fasa seterusnya untuk menjadi jenama automotif moden dan bertaraf global melalui kerjasama antara DRB-HICOM dan Zheijiang Geely Holding Group. Hari ini, PROTON terus menarik minat pelanggannya dengan penghasilan kereta yang menepati janji jenamanya iaitu 'Inspiring Connections' dan berdiri teguh dengan nilai terasnya untuk sentiasa mementingkan Teknologi Inovatif, Koblehpercayaan dan bertaraf Antarabangsa.

### **Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:**

- Rita Monica Cruz at hp: 012-9207421 / tel: 8026 9250 / [RitaMonica@proton.com](mailto:RitaMonica@proton.com)